PENGENALAN KEPADA *AL-ḤADĪṮS AL-MUSALSAL BIL AWWALIYYAH* (الْحَدِيثُ الْمُسَلْسَلُ بِالْأَوَّلِيَّةِ)

Disediakan oleh Amirul Ridzwan, pengelola Majlis Riwayat Nusantara

Edisi: 21 Julai 2026

- Dikenali juga dengan *Ḥadīṯs al-Musalsal Bir Roḥmah* (الْحَدِيثُ الْمُسَلْسَلُ بِالرَّحْمَةِ).
- Lafaz hadis tersebut adalah sabda Rasulullah صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ:

الرَّاحِمُونَ يَرْحَمَهُمُ الرَّحْمَنُ تَبَارَكَ وَتَعَالَى. ارْحَمُوا مَنْ فِي الْأَرْضِ يَرْحَمْكُمْ مَنْ فِي السَّمَاءِ

"Orang yang mengasihi akan dikasihi oleh tuhan yang maha penyayang –Maha Suci dan Maha Tinggi Dia-. Kasihilah mereka yang ada di bumi, nescaya yang di langit akan mengasihi kalian".

- Dalam riwayat lain dengan lafaz: "يَرْحَمُكُمْ" dengan membawa makna: "Moga-moga yang di langit akan mengasihi kalian".
- Ia adalah tradisi periwayatan hadis yang mana seseorang itu mendengar lafaz ini secara kali pertama dari lafaz shaykh (orang yang dia mengambil riwayat daripadanya) dan shaykh itu juga meriwayatkan dari shaykhnya bahawa inilah hadis pertama yang dia dengar dari shaykhnya.
- Sebegitu juga kesinambungan ini ke atas sehingga Sufyān bin ᶜUyaynah.

Sebagai contoh hadis ini adalah hadis pertama yang saya dengar dari pelbagai masyayikh. Antaranya adalah Šhaykẖ Nūr al-Ḥasan Rošhīd bin Iftikẖōr al-Ḥasan al-Kāndahlawiyy.

Hadis ini juga adalah hadis pertama yang Šhaykẖ Nūr al-Ḥasan dengar dari cAlāuddīn al-Falahtiyy al-Hindiyy.

Hadis ini juga adalah hadis pertama yang cAlāuddīn al-Falahtiyy al-Hindiyy dengar dari Faḍl ar-Roḥmān bin Ahlillāh al-Kānj Murōd Ābādiyy aṣ-Ṣiddīqiyy.

Hadis ini juga adalah hadis pertama yang Faḍl ar-Roḥmān pertama kali dengar dari cAbdul cAzīz ad-Dihlawiyy.

cAbdul cAzīz ad-Dihlawiyy pula pertama kali dengar hadis ini dari ayahnya, ašh-Šhāh Waliyyullāh Aḥmad bin cAbdul Roḥīm ad-Dihlawiyy.

Sebegitu juga kesinambungan ini sehingga kepada cAbdul Roḥmān bin Bišhr bin al-Ḥakam cUyaynah. al-cAbdiyy an-Naysābūriyy yang mana hadis ini adalah hadis yang pertama yang beliau dengar dari Sufyān bin cUyaynah.

Sufyān bin ᶜUyaynah pula mengambil hadis ini dari ᶜAmr bin Dīnār, tetapi hadis ini bukanlah hadis pertama yang Sufyān bin ᶜUyaynah dengar ᶜAmr bin Dīnār.

Kerana itulah, ahli riwayat berkata bahawa ketersinambungan ini sehingga Sufyān bin ᶜUyaynah sahaja.

Adapun selebihnya di atas, maka hadis ini bukan yang pertama yang dia dengar.

Seterusnya pula adalah ᶜAmr bin Dīnār. Beliau mendengar hadis ini daripada Abū Qōbūs, tetapi hadis ini bukanlah hadis yang pertama beliau dengar daripadanya.

Abū Qōbūs pula mendengar hadis ini daripada ᶜAbdullāh bin ᶜAmr bin al-ᶜĀṣ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا, tetapi hadis ini bukanlah hadis pertama beliau dengar daripadanya.

ᶜAbdullāh bin ᶜAmr bin al-ᶜĀṣ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا pula mendengar hadis ini daripada baginda, tetapi bukan hadis yang pertama yang beliau dengar dari baginda.

Contoh Sanad Penuh Bagi Periwayatan *Al-Ḥadīṯs Al-Musalsal Bil Awwaliyyah* – 1

1. حَدَّثَنَا نُورُ الْحَسَنِ رَاشِدٌ بْنُ افْتِخَارُ الْحَسَنِ بْنِ رَؤُوفِ الْحَسَنِ الْكَانْدَهْلَوِيُّ وَهُوَ أَوَّلُ حَدِيثٍ سَمِعْتُهُ مِنْهُ،
2. حَدَّثَنَا عَلَاءُ الدِّينِ الْفَلَهْتِيُّ الْهِنْدِيُّ وَهُوَ أَوَّلُ حَدِيثٍ سَمِعْتُهُ مِنْهُ،
3. حَدَّثَنَا فَضْلُ الرَّحْمَنِ بْنُ أَهْلِ اللَّهِ الْكَنْجَ مُرَادَ آبَادِيُّ الصِّدِّيقِيُّ وَهُوَ أَوَّلُ حَدِيثٍ سَمِعْتُهُ مِنْهُ،
4. حَدَّثَنَا عَبْدُ الْعَزِيزِ الدِّهْلَوِيُّ وَهُوَ أَوَّلُ حَدِيثٍ سَمِعْتُهُ مِنْهُ،
5. حَدَّثَنَا وَالِدِي الشَّاهُ وَلِيُّ اللَّهِ أَحْمَدَ بْنِ عَبْدِ الرَّحِيمِ الدِّهْلَوِيِّ وَهُوَ أَوَّلُ حَدِيثٍ سَمِعْتُهُ مِنْهُ،
6. حَدَّثَنِي أَبُو حَفْصٍ عُمَرُ بْنُ عَقِيلِ بْنِ أَبِي بَكْرِ بْنِ مُحَمَّدِ بْنِ أَبِي بَكْرٍ الْحُسَيْنِيُّ الْعَلَوِيُّ الْمَكِّيُّ السَّقَّافُ تِجَاهَ قَبْرِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ أَوَّلُ حَدِيثٍ سَمِعْتُهُ مِنْهُ،
7. حَدَّثَنَا أَحْمَدَ بْنِ مُحَمَّدِ بْنِ أَحْمَدَ بْنِ عَبْدِ الْغَنِيِّ الدِّمْيَاطِيُّ الْمَعْرُوفُ بِابْنِ الْبَنَّا وَهُوَ أَوَّلُ حَدِيثٍ سَمِعْتُهُ مِنْهُ،

Contoh Sanad Penuh Bagi Periwayatan *Al-Ḥadīṯs Al-Musalsal Bil Awwaliyyah* – 2

7. حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ الْعَزِيزِ الْمَنُوفِيُّ وَهُوَ أَوَّلُ حَدِيثٍ سَمِعْتُهُ مِنْهُ،
8. أَخْبَرَنَا أَبُو الْخَيْرِ عُمَرُ بْنُ عَمُّوسٍ الرَّشِيدِيُّ وَهُوَ أَوَّلُ حَدِيثٍ سَمِعْتُهُ مِنْهُ،
9. حَدَّثَنَا زَكَرِيَّا بْنُ مُحَمَّدٍ الْأَنْصَارِيُّ وَهُوَ أَوَّلُ حَدِيثٍ سَمِعْتُهُ مِنْهُ،
10. حَدَّثَنِي أَحْمَدُ بْنُ عَلِيِّ بْنِ حَجَرٍ الْعَسْقَلَانِيُّ وَهُوَ أَوَّلُ حَدِيثٍ سَمِعْتُهُ مِنْهُ،
11. حَدَّثَنَا أَبُو الْفَضْلِ عَبْدُ الرَّحِيمِ بْنُ الْحُسَيْنِ الْعِرَاقِيُّ وَهُوَ أَوَّلُ حَدِيثٍ سَمِعْتُهُ مِنْهُ،
12. حَدَّثَنَا الصَّدْرُ أَبُو الْفَتْحِ مُحَمَّدُ بْنُ مُحَمَّدِ بْنِ إِبْرَاهِيمَ الْمَيْدُومِيُّ وَهُوَ أَوَّلُ حَدِيثٍ سَمِعْتُهُ مِنْهُ،
13. حَدَّثَنَا النَّجِيبُ أَبُو الْفَرَجِ عَبْدُ اللَّطِيفِ بْنِ عَبْدِ الْمُنْعِمِ الْحَرَّانِيُّ وَهُوَ أَوَّلُ حَدِيثٍ سَمِعْتُهُ مِنْهُ،
14. أَخْبَرَنَا أَبُو الْفَرَجِ عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنِ عَلِيِّ ابْنِ الجَوْزِيِّ وَهُوَ أَوَّلُ حَدِيثٍ سَمِعْتُهُ مِنْهُ،

Contoh Sanad Penuh Bagi Periwayatan *Al-Ḥadīṯs Al-Musalsal Bil Awwaliyyah* - 3

15. حَدَّثَنَا أَبُو سَعْدٍ إِسْمَاعِيلُ بْنُ أَبِي صَالِحٍ أَحْمَدَ الْمُؤَذِّنِ بْنِ عَبْدِ الْمَلِكِ النَّيْسَابُورِيُّ وَهُوَ أَوَّلُ حَدِيثٍ سَمِعْتُهُ مِنْهُ،

16. حَدَّثَنَا وَالِدِي وَهُوَ أَوَّلُ حَدِيثٍ سَمِعْتُهُ مِنْهُ،

17. أَخْبَرَنَا أَبُو طَاهِرٍ مُحَمَّدُ بْنُ مُحَمَّدِ بْنِ مَحْمِشٍ الزِّيَادِيُّ وَهُوَ أَوَّلُ حَدِيثٍ سَمِعْتُهُ مِنْهُ،

18. حَدَّثَنَا أَبُو حَامِدٍ أَحْمَدَ بْنِ مُحَمَّدِ بْنِ يَحْيَى بْنِ بِلَالٍ الْبَزَّازُ وَهُوَ أَوَّلُ حَدِيثٍ سَمِعْتُهُ مِنْهُ،

19. حَدَّثَنَا عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنِ بِشْرٍ بْنِ الْحَكَمِ النَّيْسَابُورِيُّ وَهُوَ أَوَّلُ حَدِيثٍ سَمِعْتُهُ مِنْهُ،

20. حَدَّثَنَا سُفْيَانُ بْن عُيَيْنَةَ وَهُوَ أَوَّلُ حَدِيثٍ سَمِعْتُهُ مِنْهُ،

21. حَدَّثَنَا عَمْرُو بْنُ دِينَارٍ،

Contoh Sanad Penuh Bagi Periwayatan *Al-Ḥadīṯs Al-Musalsal Bil Awwaliyyah* - 4

21. أَخْبَرَنِي أَبُو قَابُوسٍ مَوْلَى عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو بْنِ الْعَاصِ
22. أَنَّهُ سَمِعَ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عَمْرٍو بْنِ الْعَاصِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ يَقُولُ
23. قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ:

الرَّاحِمُونَ يَرْحَمَهُمُ الرَّحْمَنُ تَبَارَكَ وَتَعَالَى. ارْحَمُوا مَنْ فِي الْأَرْضِ يَرْحَمْكُمْ مَنْ فِي السَّمَاءِ.

Silsilah Sanad *Al-Ḥadīṯs Al-Musalsal Bil Awwaliyyah*

نُورُ الْحَسَنِ رَاشِدٌ بْنُ افْتِخَارُ الْحَسَنِ بْنِ رَؤُوفِ الْحَسَنِ الْكَانْدَهْلَوِيُّ عَلَاءُ الدِّينِ الْفَلَهْتِيُّ الْهِنْدِيُّ ← عَلَاءُ الدِّينِ الْفَلَهْتِيُّ الْهِنْدِيّ ← فَضْلُ الرَّحْمَنِ بْنُ أَهْلِ اللَّهِ الْكَنْجَ مُرَادَ آبَادِيُّ الصِّدِّيقِيُّ ← عَبْدُ الْعَزِيزِ الدِّهْلَوِيُّ ← الشَّاهُ وَلِيُّ اللَّهِ أَحْمَدَ بْنِ عَبْدِ الرَّحِيمِ الدِّهْلَوِيِّ ← أَبُو حَفْصٍ عُمَرُ بْنُ عَقِيلِ بْنِ أَبِي بَكْرِ بْنِ مُحَمَّدِ بْنِ أَبِي بَكْرٍ الْحُسَيْنِيُّ الْعَلَوِيُّ الْمَكِّيُّ السَّقَّافُ ← أَحْمَدَ بْنِ مُحَمَّدِ بْنِ أَحْمَدَ بْنِ عَبْدِ الْغَنِيِّ الدِّمْيَاطِيُّ الْمَعْرُوفُ بِابْنِ الْبَنَّا ← مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ الْعَزِيزِ الْمَنُوفِيُّ ← أَبُو الْخَيْرِ عُمَرُ بْنُ عَمُّوسٍ الرَّشِيدِيُّ ← زَكَرِيَّا بْنُ مُحَمَّدٍ الْأَنْصَارِيُّ ← أَحْمَدُ بْنُ عَلِيِّ بْنِ حَجَرٍ الْعَسْقَلَانِيُّ ← أَبُو الْفَضْلِ عَبْدُ الرَّحِيمِ بْنُ الْحُسَيْنِ الْعِرَاقِيُّ ← الصَّدْرُ أَبُو الْفَتْحِ مُحَمَّدُ بْنُ مُحَمَّدِ بْنِ إِبْرَاهِيمَ الْمَيْدُومِيُّ ← النَّجِيبُ أَبُو الْفَرَجِ عَبْدُ اللَّطِيفِ بْنِ عَبْدِ الْمُنْعِمِ الْحَرَّانِيُّ ← أَبُو الْفَرَجِ عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنِ عَلِيِّ ابْنِ الْجَوْزِيّ ← أَبُو سَعْدٍ إِسْمَاعِيلُ بْنُ أَبِي صَالِحٍ أَحْمَدَ الْمُؤَذِّنِ بْنِ عَبْدِ الْمَلِكِ النَّيْسَابُورِيُّ ← أَبُو صَالِحٍ أَحْمَدُ الْمُؤَذِّنُ ← أَبُو طَاهِرٍ مُحَمَّدُ بْنُ مُحَمَّدِ بْنِ مَحْمِشٍ الزِّيَادِيّ ← أَبُو حَامِدٍ أَحْمَدَ بْنِ مُحَمَّدِ بْنِ يَحْيَى بْنِ بِلَالٍ الْبَزَّازُ ← عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنِ بِشْرِ بْنِ الْحَكَمِ النَّيْسَابُورِيُّ ← سُفْيَانُ بْن عُيَيْنَةَ ← عَمْرُو بْنُ دِينَارٍ ← أَبُو قَابُوسٍ مَوْلَى عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرِو بْنِ الْعَاصِ ← عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عَمْرِو بْنِ الْعَاصِ ← رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ.

SEBAB HADIS INI DILAFAZKAN PADA AWAL PERTEMUAN DI AWAL MAJLIS

- Sama kedudukan dengan Basmalah yang mana ia memulai bacan al-Quran dengan mengenang Allah yang bersifat Maha Pengasih lagi Maha Penyayang sebelum bacaan al-Quran. Hadis ini juga membuka lembaran hubungan antara shaykh dan perawi dengan ingatan kasih sayang.
- Kata Šhaykẖ ᶜAbdul Ḥayy bin ᶜAbdul Kabīr al-Kattāniyy dalam «*Fihris al-Fahōris Wa Muᶜjam al-Maᶜājim Wa al-Mašhyakẖōt Wa al-Musalsalāt*»:

وَتَدَاوَلَتْهُ الْأُمَّةُ وَاعْتَنَى بِهِ أَهْلُ الصِّنَاعَةِ. فَقَدَّمُوهُ فِي الرِّوَايَةِ عَلَى غَيْرِهِ لِيَتِمَّ لَهُمْ بِذَلِكَ التَّسَلْسُلِ كَمَا فَعَلْنَا وَلِيَقْتَدِي بِهِ طَالِبُ الْعِلْمِ فَيَعْلَمُ أَنَّ مَبْنَى الْعِلْمِ عَلَى التَّرَاحُمِ وَالتَّوَادُّدِ وَالتَّوَاصُلِ لَا عَلَى التَّدَابُرِ وَالتَّقَاطُعِ. فَإِذَا شبَّ الطَّالِبُ عَلَى ذَلِكَ شَبَّتْ مَعَهْ نَعْرَةُ التَّعَارُفِ وَالتَّرَاحُمِ فَيَشْتَدَّ سَاعِدُهُ بِذَلِكَ، فَلَا يَشِيبُ إِلَّا وَقَدْ تَخَلَّقَ بِالرَّحْمَةِ وَعَرَفَ غَيْرُهُ بِفَوَائِدِهَا وَنَتَائِجِهَا فَيَتَأَدَّبُ الثَّانِي بِأَدَبِ الْأَوَّلِ. وَعَلَى اللهُ فِي الْإِخْلَاصِ وَالْقَبُولِ الْمُعَوَّلُ.

Telah tersebar hadis ini kepada umat dan ahli pakar mengambil berat tentangnya. Mereka mendahulukannya dalam periwayatan kepada selainnya supaya cukup syarat untuk mereka dengan silsilah ini seperti sepertimana kita lakukan dan supaya para penuntut ilmu mencontohinya, lalu dia mengetahui bahawa tempat binaan ilmu atas dasar saling berkasih sayang, saling mencintai dan saling berhubungan, bukan atas dasar saling membelakangi dan saling memutuskan. Apabila nyata penuntut itu atas itu, maka nyata bersamanya frekuensi saling mengenali dan saling mengasihi, lalu bersangatan dorongannya kepada itu. Tidaklah dia menua beruban melainkan dia telah pun berperilaku dengan kasih serta mengenali selainnya dengan faedah-faedahnya dan natijah-natijahnya. Lalu, orang yang kedua bersantun dengan kesantunan yang pertama. Kepada Allah jualah hala tuju pada keikhlasan dan penerimaan.

BAGAIMANA JIKA HADIS INI BUKAN HADIS PERTAMA YANG DIA DENGAR?

MAKSUDNYA DIA PERNAH MENDENGAR HADIS LAIN DARI SHAYKH YANG SAMA YANG DIA INGIN MENGAMBIL RIWAYAT INI.

- Jika benar-benar dengar hadis ini buat kali pertama dari seorang shaykh, maka dipanggil *al-Musalsal Bil Awwaliyyah al-Ḥaqīqiyyah* (الْمُسَلْسَلُ بِالْأَوَّلِيَّةِ الْحَقِيقِيَّةِ). Ia bermaksud hadis yang pertama yang didengar secara hakiki.
- Dia boleh berkata bahawa dia benar-benar mendengar hadis ini buat pertama kali dari shaykh yang dia ambil riwayat ini secara hakiki atau mutlak.
- Jika sudah mendengar hadis lain sebelum hadis ini dari shaykh yang sama yang dia ingin mengambil riwayat *al-Musalsal* ini, maka dipanggil sebagai *al-Musalsal Bil Awwaliyyah al-Iḍōfiyyah* (الْمُسَلْسَلُ بِالْأَوَّلَيَّةِ الْإِضَافِيَّةِ) atau *an-Nisbiyyah* (النِّسْبِيَّةِ). Ia bermaksud hadis yang pertama yang didengar secara relatif.
- Maksudnya adalah sesorang tidak berkata ia adalah hadis yang pertama kali dia dengar secara hakiki atau secara mutlak, tetapi dia perlu berkata bahawa ia adalah hadis pertama yang dia dengar dengan mengaitkan pada waktu tertentu atau peristwa seperti hadis pertama yang dia dengar pada bulan Jun atau hadis pertama yang dia dengar pada sesi kedua atau hadis pertama yang dia dengar sempena Maulidurrasul.
- Tidak ada masalah meriwayatkan hadis ini secara relatif dengan syarat dia jujur ketika memberitahunya.

Bagaimana jika seseorang membacakan atau mendengar *al-Ḥadīṯs al-Musalsal Bil Awwaliyyah* dibacakan pada shaykh dan shaykh tidak melafazkan hadis ini?

- Jika bukan lafaz dari shaykh, maka tidak boleh berkata bahawa hadis ini adalah hadis pertama yang dia dengar daripada shaykh ketika ingin meriwayatkannya.
- Dia perlu berkata bahawa hadis ini adalah hadis pertama yang dia membacakan pada shaykh atau mendengar bacaan kepada shaykh.
- Riwayat *al-Ḥadīṯs al-Musalsal Bil Awwaliyyah* tetap sah dan diterima sekalipun amat digalakkan untuk mendengar lafaz dari shaykh itu.

MENDENGAR HADIS INI DARI RAKAMAN

Adapun mendengar hadis ini melalui rakaman, ia sama sekali tidak sah sekalipun shaykh mengijazahkannya atau menyuruh untuk mendapatkannya melalui rakaman.

Ini kerana yang dia dengar bukan lafaz shaykh sendiri yang asli, tetapi dari peranti yang merekod dan berkemampuan memainkan bunyi yang sama dengan shaykh.

Ia bagaikan suara seseorang yang serupa dengan suara shaykh dan dilafazkan orang lain.

Hadis ini perlu didapatkan dengan siaran langsung.

SEDIKIT TEGURAN YANG BERKAITAN (1)

- Sebahagian mereka yang ingin meriwayatkan hadis *al-Musalsal* atau ingin membaca apa jua hadis pada majlis yang kali pertama bersama seseorang atau orang ramai, mereka tidak membacakan hadis *al-Musalsal Bil Awwaliyyah*.
- Contohnya adalah apabila hari raya, sebahagian mereka terus membacakan hadis *al-Musalsal Bi Yawm al-ᶜĪd* tanpa membacakan hadis *al-Musalsal Bil Awwaliyyah* terlebih dahulu.
- Sedangkan, keutamaannya adalah mendapatkan *al-Musalsal Bil Awwaliyyah al-Ḥaqīqiyyah*. Namun, disebabkan tidak meriwayatkan ini dahulu, maka seseorang atau peserta tidak mendapatkan *al-Musalsal Bil Awwaliyyah al-Ḥaqīqiyyah*.
- Sebegitu juga penganjur yang tidak begitu menekankan ini dalam aturcara majlis dan sebahagian mereka tidak mengingatkan masyayikh. Bahkan, tidak mencelah apabila shaykh tidak memulakan *al-Musalsal Bil Awwaliyyah*, sedangkan *al-Musalsal* ini adalah diriwayatkan terlebih dahulu dalam tradisi periwayatan.
- Oleh itu, sebagai orang yang ingin meriwayatkan al-Musalsal atau apa jua hadis pada majlis yang kali pertama bersama seseorang atua orang ramai, dahulukan *al-Musalsal Bil Awwaliyyah*.
- Bagi pihak penganjur pula, sentiasa mengingatkan shaykh agar memulakannya dengannya dan usah segan untuk mencelah jika shaykh dilihat tidak memulakan bacaan hadis dengannya kerana apa yang menjadi tradisi dan pemenuhan syarat *al-Musalsa*l perlu diberikan keutamaan.

SEDIKIT TEGURAN YANG BERKAITAN (2)

- Sebahagian majlis ada yang diminta untuk membacakan sanad dan hadis *al-Musalsal Bil Awwaliyyah* terlebih dahulu kepada shaykh.
- Kadangkala, shaykh mengulas apa-apa yang berkaitan dengan hadis *al-Musalsal* sesudah dibacakan kepadanya ini, tetapi kadangkala shaykh terlupa untuk menyebutkan hadis ini dengan lafaznya. Bahkan, kadangkala shaykh sudah menyebut beberapa hadis lain sebelum membacakan hadis ini.
- Amat malang ada sebahagian penganjur atau pembaca tidak mengingatkan shaykh untuk menyebutkan dengan lafaznya.
- Sedangkan, hadis ini secara tradisinya dituntut untuk mendengar bacaan ini daripada lafaz shaykh sendiri.
- Sewajarnya bagi penganjur atau pembaca untuk mengingatkan shaykh jika terlupa untuk menyebutkan dengan lafaznya melainkan jika shaykh itu hanya mendapat riwayat ini dengan mendengar bacaan kepada shaykhnya, bukan mendengar dari lafaz shaykhnya.

SEDIKIT TEGURAN YANG BERKAITAN (3)

- Sebahagian masyayikh tidak ada riwayat *al-Musalsal Bil Awwaliyyah*, namun tidak ada masalah untuk membacakannya sebagai mengambil keberkatan dari penyebutan lafaz hadis ini dan mengingatkan makna yang terkandung dalam hadis ini. Cuma, ketika membacanya, tidak perlu menyebutkan: "Dengan sanad shaykh kepada *al-Musalsal* ini" sebagai contoh.
- Sebahagian penganjur tidak membacakannya kerana sedar bahawa shaykh tidak memiliki riwayat ini, tetapi sebahagian hadirin mendesak agar dibacakan sehingga menyebabkan gangguan dan tekanan kepada orang lain.

SEDIKIT TEGURAN YANG BERKAITAN (4)

- Sebahagian orang apabila terlepas mendengar hadis *al-Musalsal Bil Awwaliyyah* kerana hadir lewat, mereka mendesak untuk mengulangi hadis ini setelah mendengar beberapa hadis yang shaykh sudah membacanya sehingga kadangkala menyebabkan gangguan dan tekanan kepada orang lain.
- Kadangkala, dalam sebahagian majlis, shaykh tidak menyebutkan hadis ini. Shaykh hanya sekadar mendengar bacaan sahaja. Namun, tetap ada orang yang terlepas kerana hadir lewat mendesak untuk mengulanginya.
- Sedangkan, mendapatkan *al-Musalsal Bil Awwaliyyah* yang tidak hakiki tidak lagi dituntut mendapatkannya dan masih banyak lagi alternatif untuk mendapatkan riwayat ini dengan isnad yang tinggi dari masyayikh lain memandangkan hadis ini sudah terkenal dan mudah didapatkan dalam mana-mana majlis riwayat.
- Boleh untuk meminta ulang jika orientasi majlis itu shaykh hanya menyebutkan *al-Musalsal Bil Awwaliyyah* dan selebihnya hanya dibacakan kepada shaykh kerana masih ada peluang untuk mendapatkan riwayat ini dengan lafaz shaykh atau orientasi majlis itu pembacaan kitab yang berkaitan dengan *al-Musalsal* dan ada peluang untuk mendapatkan dengar penuh untuk kitab itu.
- Apapun, jika sedar diri bahawa hadir lewat, jangan mendesak sehingga menyebabkan gangguan dan tekanan kepada orang lain.

DAPATKAN SLAID POWERPOINT INI

- Melalui pautan ini: «https://archive.org/details/pengenalan-kepada-al-hadits-al-musalsal-bil-awwaliyyah».
- Atau imbas kod QR yang dipaparkan.
- Ijazah riwayat slaid dari saya ini diberikan kepada sesiapa yang mahu selagimana ia sampai ke tangan pada tempoh masa hidup saya.
- Sila semak tarikh edisi kerana boleh jadi ada versi kemas kini yang baru.